

**UPACARA RITUAL *GONG TEK* MASYARAKAT
TEO CHEW CINA
DI MALAYSIA: MUZIK, TEKS DAN GERAKAN**

oleh

TAN YNG LING

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Sarjana Seni Muzik**

Februari 2018

PENGHARGAAN

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia tesis ini yang dihormati, Profesor Tan Sooi Beng, pensyarah Universiti Sains Malaysia kerana telah meluangkan masa untuk membimbing saya menyempurnakan tesis saya dengan penuh dedikasi, serta atas teguran dan nasihat yang bernas. Tanpa usaha beliau untuk memimpin saya, kajian ini tidak akan sempurna.

Setinggi-tinggi penghargaan ingin saya tujukan kepada kumpulan *Choo Hoon Kok* dan *Ci De Shan Tang* yang sudi memberikan kerjasama serta sudi kongsi pengalaman dan maklumat tentang kumpulan mereka. Setinggi-tinggi penghargaan saya tujukan kepada Puan Ang Lee Loi yang sanggup meluangkan masanya untuk menceritakan kisah dan sejarah kumpulannya, membawa saya melawat dan meninjau persatuan mereka serta mengenali ahli-ahli kumpulan mereka. Selain daripada itu, terima kasih kepada beliau atas penjelasan mengenai persembahan *Gong Tek*, upacara kematian orang Teo Chew, kongsi pengalaman beliau, gambar-gambar, membenarkan saya menjalankan temu bual, mengikut persembahan kumpulannya dan sebagainya. Ucapan terima kasih atas kemesraan Puan Ang Lee Loi yang sering menyediakan makanan dan minuman semasa temu bual dilaksanakan serta membekalkan banyak buku-buku dan kitab agama Buddha sebagai rujukan dalam kajian saya. Sekalung budi juga ingin disampaikan kepada semua ahli kumpulan *Choo Hoon Kok* kerana mengalu-alu kedatangan saya serta memberi layanan yang mesra untuk sesi temu bual dan membuat rakaman.

Terima kasih kepada Puan Lim Yen Ting dari kumpulan *Ci De Shan Tang* atas kongsian pengetahuan mengenai pantang larang upacara kematian terutamanya. Beliau telah banyak membantu saya memahami struktur dan urutan upacara

kematian orang Teo Chew serta sudi meminjam skor lagu kepada saya dan memperkenalkan Encik Ji Ju, *Shigu* [pemain dram] kepada saya supaya saya boleh membuat pemerhatian atas persembahannya. Saya amat menghargai bantuan dan tunjuk ajar Encik Ji Ju yang sudi berkongsi pengalaman dan pengetahuannya tentang muzik Teo Chew dan alat muzik yang digunakan dalam upacara ritual *Gong Tek*.

Selain daripada itu, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Kwang Chun Casket & Funeral Service dan pengurus Encik Teh Meong Hin atas bantuan beliau serta pekerjanya. Terima kasih kerana sudi memberi tunjuk ajar, memberi maklumat tentang urutan upacara kematian orang Teo Chew, pantang larang dan juga bantuan mereka semasa rakaman dibuat sepanjang penyelidikan saya.

Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada keluarga yang memberi kebenaran kepada saya untuk membuat rakaman serta menangkap gambar sepanjang penyelidikan yang dibuat iaitu termasuklah keluarga encik Lee Peng Song, keluarga encik Ng Lik Ming, keluarga encik Ooi Song Leng, keluarga encik Tan Jin Keat dan keluarga puan Kung Bee Fung. Layanan mesra diberi walaupun mereka sedang mengalami kesedihan atas pemergian keluarganya. Keizinan untuk membuat rakaman amatlah dihargai.

Tidak lupa saya ucapkan terima kasih kepada pihak perpustakaan Universiti Sains Malaysia yang sudi membantu saya dalam memperolehi bahan-bahan rujukan dan bahan-bahan kajian. Terutamanya kepada Encik Ahmad Tarmizi Mohd Jaaffar dari Unit Pinjaman Antara Perpustakaan Perpustakaan Hamzah Sendut Universiti Sains Malaysia, terima kasih atas bantuannya dan usahanya membuat *inter-library loan* dengan pihak Universiti Malaya untuk mendapatkan buku tesis yang berkenaan dengan upacara kematian di Singapura. Selain itu, ucapan penghargaan ini juga ditujukan kepada barisan pentadbir Pusat Pengajian Seni serta Institut Pengajian

Siswazah yang sering membekalkan informasi terbaru serta membantu memudahkan segala urusan saya dalam menyiapkan tesis ini.

Dengan kesempatan ini, saya juga ingin tujukan penghargaan saya terhadap keluarga saya yang sentiasa memberi sokongan dan bimbingan dalam proses menyiapkan tesis ini. Terima kasih kepada ibu saya atas menunjuk arah dan menemani saya ke tapak persembahan serta menemani saya beberapa kali semasa menjalankan rakaman temu bual di Bukit Mertajam dan Padang Lembu. Selain daripada itu, terima kasih diucapkan terhadap suami saya di mana membantu saya dalam menyediakan bahan-bahan rakaman dan sebagainya di tapak persembahan bersamaan dengan saya.

Akhir sekali saya ingin memohon maaf jika ada tersalah atau tersilap kata sepanjang kajian ini dijalankan. Saya juga ingin berterima kasih kepada mereka yang membantu saya secara langsung, secara tidak langsung dan juga namanya yang tidak tercatat di sini. Segala bantuan dan sokongan anda dikenang sentiasa.

Tan Yng Ling 2018

ISI KANDUNGAN

Penghargaan.....	ii
Isi Kandungan.....	v
Senarai Gambar.....	ix
Senarai Rajah.....	xvi
Senarai Jadual.....	xvii
Senarai Keratan Notasi.....	xviii
Senarai Lagu/Cerita.....	xx
Penunjuk Transkripsi.....	xxi
Glosari.....	xxiv
Abstrak.....	xxix
Abstract.....	xxx

BAB 1: PENGENALAN

1.1	Permasalahan Kajian.....	2
1.2	Objektif Kajian.....	5
1.3	Persoalan Kajian.....	6
1.4	Justifikasi.....	6
1.5	Tinjauan literatur.....	10
	1.5.1 Agama dan Kepercayaan Masyarakat Cina di Malaysia	12
	1.5.2 Sejarah dan Seni Persembahan Upacara Ritual Kematian <i>Gong Tek</i> di Malaysia	16
1.6	Pendekatan Teori.....	24
1.7	Kaedah Kajian.....	29
	1.7.1 Temu Bual dan Latar Belakang Kumpulan <i>Choo Hoon Kok</i>	30
	1.7.2 Temu Bual dan Latar Belakang Kumpulan <i>Ci De Shan Tang</i>	36
	1.7.3 Rakaman Video dan Audio	38
	1.7.4 Skor (<i>Jian Pu</i>) dan Skrip.....	39
1.8	Organisasi Kajian.....	40

BAB 2: GONG TEK MASYARAKAT TEO CHEW CINA, URUTAN UPACARA KEMATIAN DAN PANTANG LARANG

2.1	Latar Belakang Masyarakat Teo Chew Cina	43
2.2	Upacara Kematian Masyarakat Teo Chew Cina	47
2.3	Urutan Upacara Kematian Masyarakat Teo Chew Cina	49
2.3.1	<i>Song Zhong</i> [Menghantar Kematian]	49
2.3.2	<i>Fu Xiao</i> [Berpakaian Berkabung]	51
2.3.3	<i>An Hun</i> [Menenangkan Roh]	54
2.3.4	<i>Shou Sang</i> [Menjaga Kematian]	56
2.3.5	<i>Huo Zang</i> [Pengembumian di Tanah Perkuburan] atau <i>Tu Zang</i> [Pengembumian Jenis Pembakaran]	63
2.3.6	<i>An Zhi Shen Wei</i> [Meletakkan Papan Pemujaan]	66
2.4	Peralatan dan Bahan-bahan Sembahyang dalam Upacara Kematian Teo Chew	69
2.5	Pantang Larang dalam Upacara Kematian Masyarakat Teo Chew	77

BAB 3: FUNGSI PEMENTASAN, GERAKAN DAN PERWATAKAN DALAM PENGHASILAN EMOSI UPACARA RITUAL GONG TEK

3.1	Fungsi Pementasan Upacara Ritual <i>Gong Tek</i>	86
3.1.1	Buka Panggung	89
3.1.2	Prolog	90
3.1.3	Cerita Upacara Ritual <i>Gong Tek</i>	93
3.1.4	Tutup Panggung	106
3.2	Gerakan dan Perwatakan dalam Upacara Ritual <i>Gong Tek</i>	108

BAB 4: ORKESTRA DAN PEMUZIK GONG TEK

4.1	Klasifikasi Alat Muzik	118
4.2	Ensembel Sivil, Ensembel Militari dan <i>Fa Qi</i>	120
	Ensembel Sivil	120
4.2.1	Ensembel Militari	122
4.2.2	<i>Fa Qi</i> [Alat Agama Suci]	129
4.3	Tempat Duduk Pemain Muzik dan Susunannya	133

BAB 5: GAYA MUZIK DALAM UPACARA RITUAL *GONG TEK*

5.1	Jenis Lagu dan Fungsinya dalam Upacara Ritual <i>Gong Tek</i>	138
5.1.1	Lagu Vokal.....	139
5.1.2	Lagu Instrumental	140
5.2	<i>Qu</i> dan <i>Diao</i> dalam Lagu <i>Gong Tek</i>	142
5.3	Melodi	153
5.3.1	Melodi utama	153
5.3.2	Kontur Melodi.....	156
5.4	Tekstur.....	158
5.4.1	Tekstur Polifoni.....	158
5.4.2	Tekstur Heterofoni	160
5.5	Tanda Masa	162
5.6	Tempo	165
5.7	Rentak	167

BAB 6: MUZIK, GERAKAN DAN TEKS DALAM PENGHASILAN EMOSI UPACARA RITUAL *GONG TEK*

6.1	Emosi Tenang dan Serius.....	176
6.1.1	Penghasilan Emosi Tenang dan Serius	176
6.1.2	Muzik untuk Emosi Tenang dan Serius	176
6.1.3	Teks dalam Emosi Tenang dan Serius	181
6.1.4	Gerakan dalam Emosi Tenang dan Serius	181
6.2	Emosi Cemas dan Tertekan.....	184
6.2.1	Penghasilan Emosi Cemas dan Tertekan	184
6.2.2	Muzik untuk Emosi Cemas dan Tertekan	184
6.2.3	Teks dalam Emosi Cemas dan Tertekan	187
6.2.4	Gerakan dalam Emosi Cemas dan Tertekan	189
6.3	Emosi Sedih dan Pilu	191
6.3.1	Penghasilan Emosi Sedih dan Pilu	191
6.3.2	Muzik untuk Emosi Sedih dan Pilu	191
6.3.3	Teks dalam Emosi Sedih dan Pilu	194

6.3.4 Gerakan Emosi Sedih dan Pilu	197
--	-----

BAB 7: KESIMPULAN

7.1 Peranan Lagu Upacara Ritual <i>Gong Tek</i> dalam Penghasilan Emosi berdasarkan Teks dan Gerakan.....	206
7.2 Jenis Lagu dan Kombinasi Alat Musik dalam Emosi yang Berlainan	211
7.3 Keistimewaan Gaya Musik dan Teks dalam Jenis Lagu yang Berlainan untuk Menyokong Emosi Upacara Ritual <i>Gong Tek</i>	216
7.4 Musik, Teks dan Gerakan yang Menyokong Emosi dalam Upacara Ritual <i>Gong Tek</i>	219
7.5 Cadangan Penyelidikan untuk Kumpulan <i>Gong Tek</i> pada Masa Depan.....	224

BIBLIOGRAFI	227
--------------------------	-----

LAMPIRAN

SENARAI GAMBAR

		Muka Surat	
Gambar	1.1	Kuil <i>Choo Hoon Kok</i>	31
Gambar	1.2	Ketua-ketua tokong kumpulan <i>Choo Hoon Kok</i> . Dari kiri ke kanan: Poh Chin Ku, Teoh Ah Yia, Poh Kim Kiau, dan Ang Lee Loi.	32
Gambar	1.3	Anak murid Poh Chin Ku, adik seguru Ang Lee Loi. Dari kiri ke kanan: Poh Xi Qin, Poh Ming Xin dan Poh Xi Liang.	33
Gambar	1.4	Sebahagian daripada ahli-ahli kumpulan <i>Choo Hoon Kok</i> dengan pemuzik jemputan.	34
Gambar	1.5	Ketua kumpulan <i>Choo Hoon Kok</i> terkini, Puan Ang Lee Loi.	34
Gambar	1.6	Upacara <i>Gong Tek</i> pada 13hb November 1951 yang dikendalikan oleh Tok Guru sebelum menubuhkan kumpulan <i>Choo Hoon Kok</i> .	35
Gambar	1.7	Kumpulan <i>Choo Hoon Kok</i> mengendalikan upacara <i>Gong Tek</i> pada 4hb Disember 2000.	36
Gambar	1.8	Kumpulan <i>Choo Hoon Kok</i> mengadakan perarakan sempena hari dewi <i>Mazu</i> .	36
Gambar	1.9	Ketua kumpulan <i>Ci De Shan Tang</i> , Lim Yen Ting.	37
Gambar	1.10	Kakak kepada ketua kumpulan <i>Ci De Shan Tang</i> , Lim Ling Ling yang sedang menjalankan upacara <i>Gong Tek</i> prolog.	37
Gambar	1.11	Pemuzik jemputan dari Bukit Mertajam, namanya Ji Ju, merupakan seorang <i>Shigu</i> yang handal.	38
Gambar	2.1	Hiasan, gambar dan altar untuk upacara kematian.	50
Gambar	2.2	Khemah berwarna putih dipasang.	50
Gambar	2.3	Keratan surat akhbar, notis kematian.	51
Gambar	2.4	Pakaian berkabung yang bersalut dengan baju jejaring.	52
Gambar	2.5	Warna kain <i>xiao</i> untuk upacara kematian orang Cina (maklumat dapat dari Kwang Chun Casket & Funeral Service, Sungai Petani, Kedah.)	53

Gambar 2.6	Anak lelaki sulung yang memegang buluh dengan topi kertas.	58
Gambar 2.7	Anak perempuan menyuap pembantu kertas supaya pembantu boleh menjalankan tugasnya dengan baik untuk si mati di dunia lain.	58
Gambar 2.8	Pementasan untuk <i>zhai gu</i> membuat upacara ritual dan membaca mantera untuk si mati.	59
Gambar 2.9	Pembakaran rumah kertas, tandu kertas, kereta kertas dan bahan-bahan sembahyang lain.	61
Gambar 2.10	Kawan-kawan memberi penghormatan terakhir.	61
Gambar 2.11	Kereta keranda	62
Gambar 2.12	Keranda diusung oleh kawan dan saudara mara.	62
Gambar 2.13	Kumpulan band	63
Gambar 2.14	Keranda dimasukkan ke tempat pembakaran.	64
Gambar 2.15	Pengutipan tulang dan abu pada hari ketujuh.	64
Gambar 2.16	Tempat letak bekas abu di tokong Siam, Jalan Pekan Lama, Sungai Petani.	64
Gambar 2.17	Ahli keluarga meletakkan segenggam tanah sebagai tanda perpisahan dengan bapanya.	66
Gambar 2.18	<i>An zhi shen wei</i> . Kiri: tempat letak papan pemujaan sementara (100 hari). Kanan: Tempat pemujaan selama tiga tahun sebelum gabung dengan papan pemujaan nenek moyang di sebelah.	67
Gambar 2.19	Papan peringatan jenis batu mengambil masa kira-kira tiga bulan untuk didirikan.	68
Gambar 2.20	Keranda jenis pembakaran.	70
Gambar 2.21	Keranda untuk pengebumian.	70
Gambar 2.22	<i>bak kao</i> [bekas tanah liat] yang digunakan untuk membakar kertas bersalut logam.	71
Gambar 2.23	<i>wang sheng zhi</i> [kertas mantera]	71
Gambar 2.24	<i>kim ying chua</i> [kertas bersalut logam]	71
Gambar 2.25	Kertas mantera dan kertas logam diletakkan ke dalam keranda.	72
Gambar 2.26	Altar yang disediakan di depan keranda dengan makanan, lilin, dan bekas colok <i>Lou</i> .	72

Gambar 2.27	Makanan yang disediakan untuk menyembah nenek moyang. (<i>offerings</i>)	73
Gambar 2.28	Buluh dengan topi kertas yang mewakili roh si mati (digunakan semasa upacara ritual)	74
Gambar 2.29	Bahan-bahan kertas disediakan semasa upacara kematian.	74
Gambar 2.30	Rumah kertas	75
Gambar 2.31	Kereta kertas	75
Gambar 2.32	Tandu kertas	75
Gambar 2.33	Angpao kecil (digelar sebagai <i>ji yi</i>) sebagai tanda terima kasih kepada tetamu yang datang.	76
Gambar 2.34	Kalung bunga	76
Gambar 2.35	Perkhidmatan makanan, minuman serta manisan disediakan untuk para tetamu.	77
Gambar 2.36	Ahli keluarga membuat satu bulatan besar semasa pembakaran bahan sembahyang.	81
Gambar 3.1	<i>Namo lou</i> dan altar untuk upacara kematian jenis Tao	87
Gambar 3.2	Altar dan bahan sembahyang.	88
Gambar 3.3	Prolog <i>Bao Guan</i> dilaksanakan oleh <i>zhai gu</i> dengan menggunakan kuda kertas putih, menghantar dokumen kepada para dewa-dewi.	91
Gambar 3.4	Kuda kertas yang digunakan untuk <i>Bao Guan</i> .	91
Gambar 3.5	Patung kertas kecil yang mewakili nenek moyang.	92
Gambar 3.6	Patung kertas	93
Gambar 3.7	Ahli keluarga menyuap patung pengasuh rumah dan pekerja.	93
Gambar 3.8	Mangkuk-mangkuk yang diisi dengan air merah dengan bekas colok di tengah-tengah, sepasang colok, dan kertas logam digunakan dalam upacara ritual <i>Xue Pen</i> .	94
Gambar 3.9	<i>Zhai gu</i> menyanyikan kesusahan seorang ibu membesarkan anaknya dalam upacara ritual <i>Xue Pen</i> .	95

Gambar 3.10	Anak-anak si mati berlutut dalam satu bulatan dan minum air merah yang melambangkan putus darah pertalian dengan si mati dalam upacara ritual <i>Xue Pen</i> .	95
Gambar 3.11	Ahli keluarga si mati berjalan dalam pusingan dan meletakkan duit siling ke dalam kolan dalam upacara ritual <i>Ai Lian Chi</i> .	96
Gambar 3.12	Bekas yang diisi dengan air serta dikelilingi dengan kertas berwarna merah jambu mewakili kolam digunakan untuk upacara ritual <i>Ai Lian Chi</i> .	96
Gambar 3.13	Pagoda dengan patung kertas kecil dan tangga kertas digunakan dalam upacara ritual <i>Ai Ta</i> .	97
Gambar 3.14	Upacara ritual <i>Bao Fu En</i> , juga dikenali sebagai <i>Ai Ta</i> untuk si mati lelaki.	98
Gambar 3.15	Anak si mati melontarkan dua kepingan siling supaya dapat <i>seng puey</i> dan patung kertas boleh pergi ke tingkat seterusnya dalam pagoda.	98
Gambar 3.16	Bahan-bahan yang digunakan dalam upacara ritual <i>Bu Nyiok Teh</i> .	100
Gambar 3.17	<i>Zhai gu</i> memimpin ahli keluarga meminta daun sakti daripada dewa tanah.	100
Gambar 3.18	Ahli keluarga masukkan daun ke dalam bekas ubat untuk dimasak.	101
Gambar 3.19	Menantu perempuan si mati menjerang ubat untuk mendiang bapa mertuanya.	102
Gambar 3.20	Menantu perempuan menghidangkan ubat teh untuk mendiang bapa mertuanya.	102
Gambar 3.21	<i>Zhai gu</i> dalam persediaan berlari dalam upacara <i>Po Xia Guang</i> .	103
Gambar 3.22	Upacara <i>Po Xia Guang</i> dengan ahli yang lebih ramai (11 orang), dilaksanakan oleh kumpulan <i>Choo Hoon Kok</i> pada tahun 2000.	104
Gambar 3.23	Upacara ritual <i>Po Xia Guang</i> yang dilaksanakan di Sungai Petani, Kedah pada tahun 2013.	104

Gambar	3.24	Pegawai neraka yang menghalang di atas jambatan sebelum roh melaporkan dirinya dalam upacara ritual <i>Guey Gio</i> dan jambatan upacara ritual <i>Guey Gio</i> .	105
Gambar	3.25	Ahli keluarga mengangkat bahan-bahan sembahyang ke tengah jalan.	107
Gambar	3.26	Ahli keluarga, keluarga si mati memegang tangan mengelilingi bahan-bahan sembahyang semasa membakarnya.	107
Gambar	3.27	Upacara tutup panggung, pembakaran bahan-bahan sembahyang.	108
Gambar	3.28	Dewa Tanah, <i>Tu Di Gong</i>	109
Gambar	3.29	Lima Buddha Dhayani	110
Gambar	3.30	<i>Zhai gu</i> yang memegang watak Lima Buddha Dhayani dalam upacara ritual <i>Po Xia Guang</i> .	111
Gambar	3.31	Pegawai Neraka	112
Gambar	3.32	Watak <i>Mu Lian</i>	113
Gambar	4.1	<i>Yang Qin</i>	120
Gambar	4.2	<i>Er Hu</i>	121
Gambar	4.3	<i>Shigu</i> dan set drumnya iaitu dari kanan ke kiri: <i>Dua Gou</i> , <i>Dua Kok</i> , <i>Suei Gou</i> dan <i>Diong Gou</i> . Yang dipegang di tangan kiri <i>Shigu</i> ialah <i>Tiak Bang</i> .	123
Gambar	4.4	<i>Dua Gou</i>	123
Gambar	4.5	<i>Shigu</i> dari kumpulan <i>Choo Hoon Kok</i> yang sedang bermain dram.	125
Gambar	4.6	<i>Tiak Bang</i>	125
Gambar	4.7	Dari kiri ke kanan: <i>Lo Gia</i> , <i>Boak Gia</i> dan <i>Dua Boak</i>	126
Gambar	4.8	<i>Chim Bo</i>	127
Gambar	4.9	<i>Kek Lo</i>	128
Gambar	4.10	<i>Kong Gia</i>	128
Gambar	4.11	<i>So Lo</i>	129
Gambar	4.12	<i>Fa Qi</i> yang diletakkan di atas altar.	129
Gambar	4.13	<i>Da Qing</i>	130
Gambar	4.14	<i>Yin Qing</i>	130
Gambar	4.15	<i>MuYu</i>	131

Gambar 4.16	<i>Dang Zi</i>	132
Gambar 4.17	<i>Shi Zi</i>	132
Gambar 4.18	Pray Bell	133
Gambar 4.19	Kumpulan <i>Choo Hoon Kok</i> yang sedang menggunakan <i>Fa Qi</i> dalam upacara <i>Gong Tek</i> . Dari kiri ke kanan: pray bell, <i>Shi Zi</i> , <i>Mu Yu</i> , <i>Da Qing</i> .	133
Gambar 6.1	Upacara membuka panggung, <i>zhai gu</i> berdiri dan ahli keluarga ber duduk berhadapan imej Buddha dan dewa-dewi.	182
Gambar 6.2	Prolog upacara ritual <i>Gong Tek</i> , emosi yang serius.	182
Gambar 6.3	<i>Zhai gu</i> mengetuai ahli keluarga mengelilingi keranda dengan membaca mantera "amitabha".	183
Gambar 6.4	Upacara ritual <i>Guey Gio</i> , lagu <i>Nai He Qiao</i> , percakapan pegawai neraka (berdiri atas jambatan) dengan <i>Mu Lian</i> (berpakaian sami) yang menunjukkan emosi cemas dan tertekan.	186
Gambar 6.5	Upacara ritual <i>Po Xia Guang</i> , <i>zhai gu</i> berlari dalam arah yang bertentangan.	189
Gambar 6.6	Upacara ritual <i>Guey Gio</i> , lagu <i>Nai He Qiao</i> , percakapan pegawai neraka secara teriak.	190
Gambar 6.7	Air merah yang melambangkan air darah ibunda dalam upacara ritual membalas jasa, lagu <i>Xue Pen</i> .	194
Gambar 6.8	Para anak minum air merah yang melambangkan air darah ibunda dalam upacara ritual membalas jasa, lagu <i>Xue Pen</i> .	195
Gambar 6.9	Upacara ritual menjerang ubat, lagu <i>Cai Yao</i> .	197
Gambar 6.10	Muka ekspresi watak <i>Mu Lian</i> yang sedih dalam upacara ritual membalas jasa, lagu <i>Xue Pen</i> .	198
Gambar 6.11	Emosi yang sedih dalam upacara ritual membalas jasa, lagu <i>Xue Pen</i> .	198
Gambar 6.12	Menantu si mati menangis semasa melaksanakan upacara ritual menjerang ubat.	199
Gambar 6.13	Menantu si mati menghidangkan ubat teh, emosi yang sedih dalam upacara ritual menjerang ubat.	199

Gambar 6.14	Watak <i>Mu Lian</i> menunjukkan keberatan hati semasa perpisahan dengan ahli keluarganya dalam upacara ritual <i>Guey Gio</i> .	200
Gambar 6.15	Watak <i>Mu Lian</i> menangis dan menunjukkan keberatan hati semasa perpisahan dengan ahli keluarganya dalam upacara ritual <i>Guey Gio</i> .	201
Gambar 6.16	Watak <i>Mu Lian</i> menangis dengan teruk menunjukkan emosi sedih dan pilu dalam upacara ritual <i>Guey Gio</i> .	201
Gambar 6.17	Emosi sedih dan pilu dalam upacara ritual <i>Guey Gio</i> .	202

SENARAI RAJAH

		Muka Surat
Rajah 4.1	Lingkungan pic untuk <i>Yang Qin</i> .	120
Rajah 4.2	Tuning dan lingkungan pic untuk <i>Er Hu</i> .	121
Rajah 4.3	Tempat kedudukan kumpulan <i>Gong Tek</i> .	134
Rajah 5.1	Sistem tuinan <i>Dang Sa Lak diao</i> .	146
Rajah 5.2	Sistem tuinan <i>Huang Sua diao</i>	148
Rajah 5.3	Sistem tuinan <i>Wuak Ngou diao</i>	150
Rajah 6.1	Struktur emosi upacara ritual <i>Gong Tek</i> .	175
Rajah 6.2	Keratan daripada mantera Bodhisattva Ksitigarbha, muka surat 7.	178
Rajah 6.3	Kelompok 7 silabik mantera Bodhisattva Ksitigarbha.	179
Rajah 6.4	Keratan daripada mantera Bodhisattva Ksitigarbha, muka surat 12.	180
Rajah 6.5	Keratan daripada mantera Parīnāma, mantera menghantar merit.	181
Rajah 6.6	Kelompok 5 silabik mantera Parīnāma.	181
Rajah 6.7	Teks vokal percakapan lagu percakapan <i>Xue Pen</i> .	196

SENARAI JADUAL

			Muka Surat
Jadual	2.1	Hubungan dengan si mati dan warna kain <i>xiao</i> untuk upacara kematian orang Cina.	54
Jadual	3.1	Parīnāma, mantera menghantar merit.	89
Jadual	3.2	Dokumen/ Maklumat yang ditulis di atas kertas kuning.	90
Jadual	3.3	Pementasan (struktur) upacara ritual <i>Gong Tek</i> .	115
Jadual	3.4	Perwatakan dan gerakan upacara ritual <i>Gong Tek</i> .	116
Jadual	5.1	Nama lagu, fungsi lagu dan jenis lagu dalam upacara ritual <i>Gong Tek</i> .	141
Jadual	5.2	Notasi tradisional muzik Teo Chew (<i>Er Si Pu</i>), notasi muzik Cina (<i>Jian Pu</i>) dan pic dalam muzik barat.	144

SENARAI KERATAN NOTASI

		Muka Surat	
Keratan	5.1	Lagu percakapan <i>Xue Pen</i> , lampiran A.	144
Keratan	5.2	Lagu <i>Xue Pen</i> , lampiran A, bar 130 hingga 151.	148
Keratan	5.3	Lagu vokal nyanyian <i>Er Si Xiao</i> , lampiran B, bar 1 hingga 27.	150
Keratan	5.4	Lagu vokal nyanyian <i>Cai Yao</i> , lampiran C, bar 1 hingga 19.	153
Keratan	5.5	Teknik melismetik dalam lagu <i>Cai Yao</i> , lampiran C, bar 1 hingga 19.	155
Keratan	5.6	Variasi oleh alat muzik dalam lagu <i>Cai Yao</i> , lampiran C, bar 55 hingga 65.	156
Keratan	5.7	Teknik bertalu-talu dalam lagu <i>Cai Yao</i> , lampiran C, bar 136 hingga 149.	157
Keratan	5.8	Kontur melodi menurun, lagu <i>Cai Yao</i> , lampiran C, bar 34 - 40.	158
Keratan	5.9	Kontur melodi menaik, lagu <i>Cai Yao</i> , lampiran C, bar 71-77.	158
Keratan	5.10	Jeda minor 7th menurun, lagu <i>Cai Yao</i> , lampiran C, bar 27 - 29.	158
Keratan	5.11	Jeda minor 2nd menurun, lagu <i>Cai Yao</i> , lampiran C, bar 15.	159
Keratan	5.12	Tekstur polifoni keratan lagu <i>Cai Yao</i> , lampiran C, bar 44-54.	160
Keratan	5.13	Tekstur polifoni keratan lagu instrumental militari <i>Po Xia Guang</i> , lampiran D, bar 9-25.	161
Keratan	5.14	Tekstur heterofoni keratan lagu <i>Xue Pen</i> , lampiran A, bar 39-61.	162
Keratan	5.15	Keratan lagu <i>Xue Pen</i> , lampiran A, bar 77-83.	163
Keratan	5.16	Meter 2/4, keratan lagu <i>Cai Yao</i> , lampiran C, bar 1-9.	164
Keratan	5.17	Meter 2/4, keratan lagu <i>Po Xia Guang</i> , lampiran D, bar 1-8.	165


Keratan	5.18	Meter 1/4, keratan lagu <i>Xue Pen</i> , lampiran A, bar 221.	165
Keratan	5.19	Tempo satu krochet = 100 keratan lagu <i>Cai Yao</i> , lampiran C, bar 1 - 4.	166
Keratan	5.20	Tempo satu krochet = 68 keratan lagu <i>Cai Yao</i> , lampiran C, bar 20 - 31.	167
Keratan	5.21	Rentak lagu percakapan <i>Xue Pen</i> , lampiran A	169
Keratan	5.22	Rentak lagu nyanyian <i>Cai Yao</i> , lampiran C, bar 1 - 19.	170
Keratan	5.23	Rentak lagu <i>Po Xia Guang</i> , lampiran D, bar 19 -25.	171
Keratan	5.24	Rentak berselingan lagu <i>Po Xia Guang</i> , lampiran D, bar 19 -20.	171
Keratan	5.25	Rentak lagu <i>Po Xia Guang</i> , lampiran D, bar 40 - 55.	172
Keratan	6.1	Pelbagai dinamik dan ekspresi mencetuskan emosi yang cemas dan tertekan dalam lagu <i>Po Xia Guang</i> , lampiran D, bar 26 – 46.	186
Keratan	6.2	Alat muzik, ritma dengan aksen dan dinamik kuat menghasilkan emosi yang cemas dan tertekan dalam lagu <i>Nai He Qiao</i> , lampiran E, bar 5-9.	189
Keratan	6.3	Lagu <i>Cai Yao</i> , lampiran C, bar 11 hingga 20.	192
Keratan	6.4	Penggunaan alat muzik ensembel militari dan tempo perlahan menghasilkan emosi sedih dan pilu, keratan lagu <i>Cai Yao</i> , lampiran A, bar 21-33.	193

SENARAI NAMA LAGU/ CERITA


Tajuk lagu dalam upacara ritual <i>Gong Tek</i>	Tajuk dalam karektor Cina
Mantera Amitābha Sūtra	佛说阿弥陀经
Mantera Bodhisattva Ksitigarbha	地藏经
Mantera <i>Vajracchedika-prajna-paramita</i>	金刚经
Parīnāma	回向偈
Lagu <i>Shi Yue Huai Tai</i>	十月怀胎
Lagu <i>Xue Pen</i>	血盆
Lagu <i>Er Si Xiao</i>	二四孝
Lagu <i>Qing Ba Xian</i>	请八仙
Lagu <i>Cai Yao</i>	采药
Lagu <i>Po Xia Guang</i>	破城关
Lagu <i>Nai He Qiao</i>	奈何桥
Lagu <i>Qi Zhou Qiao</i>	七州桥
Lagu <i>Wang Xiang Tai</i>	望相台
Lagu <i>Yin Lin Hui Jia Xiang</i>	引灵回家乡

PETUNJUK TRANSKRIPSI

Notasi	makna
↑	Pic yang tidak tepat, pic kedengaran lebih tinggi daripada pic asal.
↓	Pic yang tidak tepat, pic kedengaran lebih rendah daripada pic asal.
$\text{♩} = 68$	Tempo 68 dalam bit krochet
$\text{♩} = 100$	Tempo 100 dalam bit krochet
$\text{♩} = 110$	Tempo 110 dalam bit krochet
$\text{♩} = 120$	Tempo 120 dalam bit krochet
	<i>repeat</i> / ulangan
>	aksen - memberi penekanan
<i>mp</i>	<i>mezzo piano</i> / sederhana lembut
<i>mf</i>	<i>mezzo forte</i> / sederhana kuat
<i>f</i>	<i>forte</i> / kuat
<i>cresc.</i>	<i>getting louder</i> / beransur kuat
<i>dim.</i>	<i>getting softer</i> / beransur lembut
<i>tenuto</i>	<i>to hold</i> / memanjangkan not tersebut sedikit daripada nilainya
	Titir. Hasil suara oleh <i>Yang Qin</i> yang bertalu-talu



Alat idiofon



Alat membranofon



Sejenis teknik menyanyi, pic turun (*pitch bend - downward*)



Nyanyian pic tidak tetap (hampir sama seperti *lower mordent* tetapi pertukaran pic lebih sedikit).



Pic tinggi hasil oleh pemukulan *Shigu* atas gendang (bunyi "tak").

Pic rendah hasil oleh pemukulan *Shigu* atas gendang (bunyi "dong").




percakapan vokal



Melismetik – pergerakan licin dari satu ton ke ton yang lain.

Kunci notasi gendang, Gou (pemain Gou - Shigu)

Tiga bunyi boleh dihasilkan oleh gendang. Iaitu, main di tengah permukaan akan menghasilkan bunyi “dong”, pemukulan di atas bingkai gendang dan hasilkan bunyi “tak” .



Penerangan:

1. Pemukulan di tengah-tengah gendang berbunyi “dong”.
2. Pemukulan di atas bingkai gendang berbunyi “tak”.

Notasi:



Hasil pukulan gendang besar (*Dua Gou*)

Pic tinggi (T) – bunyi “tak”

(pukulan dekat bingkai)

Pic rendah (D)– bunyi “dong”

(pukulan di tengah gendang)

GLOSARI

istilah	Bahasa Melayu	Karektor Cina
<i>Ai Lian Chi</i>	mengharungi kolam	挨莲池
<i>Ai Ta</i>	mengharungi pagoda	挨塔
<i>an hun</i>	menenangkan roh	安魂
<i>an zhi shen wei</i>	meletak papan pemujaan	安置神位
<i>bak kao</i>	bekas tanah liat	陶碗
<i>Bang</i>	sejenis alat idiofon	板
<i>Bao En</i>	membalas jasa	报恩
<i>Bao Fu En</i>	membalas jasa bapa	报父恩
<i>Bao Guan</i>	menyembah kuda menjemput Buddha	报关
<i>Bao Mu En</i>	membalas jasa ibu	报母恩
<i>Boak Gia</i>	sejenis alat idiofon	钹仔
<i>bek khim</i>	duit kematian	白金
<i>Bu Nyiok Teh</i>	menjerang ubat	褒药茶
<i>buak puey</i>	melontarkan duit siling/ <i>moon blocks</i>	扔筊杯
<i>Cai Yao</i>	memetik ubat	采药
<i>Chao Zhou Xian Shi</i>	lagu bertali sajak	潮州弦诗
<i>Chim Bo</i>	sejenis alat idiofon	深波
<i>Chit Chit</i>	hari ke 49 (minggu ketujuh)	七七
<i>Choo Hoon Kok</i>	nama sebuah kumpulan <i>Gong Tek</i> di Pulau Pinang	慈云阁
<i>Chui Zou Yue Qi</i>	alat tiupan	吹奏乐器
<i>chut huey heng</i>	keluar taman bunga	出花园
<i>Ci De Shan Tang</i>	nama sebuah kumpulan <i>Gong Tek</i> di Kedah	慈德善堂
<i>Da Luo Gu Yue</i>	muzik gendang besar	大锣鼓乐
<i>Da Qing</i>	sejenis alat suci agama	大磬
<i>dai xiao</i>	berkabung (dengan kain taat)	戴孝

<i>Dang sa lak</i>	berat tiga enam	重三六
<i>Dang Zi</i>	sejenis alat suci agama	铛子
<i>Di Tao Gu Yue</i>	muzik tiupan	笛套古乐
<i>Diao</i>	nama lagu	调
<i>Diao</i>	tanda nada (key)	调
<i>Diong Gou</i>	sejenis alat membranofon	中鼓
<i>Dong Hai Ma Zu</i>	Dewi Lautan Timur	东海妈祖
<i>Dua Boak</i>	sejenis alat idiofon	大钹
<i>Dua Gou</i>	sejenis alat idiofon	大鼓
<i>Dua Gou Tui</i>	pemukul kayu dram	大鼓锤
<i>Dua Kok</i>	sejenis alat idiofon	大敲
<i>Er Si Pu</i>	sistem notasi Teo Chew kuno	二四谱
<i>Er Si Xiao</i>	24 taat	二四孝
<i>fang yan</i>	dialek pertuturan	方言
<i>fang yan qun</i>	kumpulan dialek	方言群
<i>fu xiao</i>	berpakaian berkabung	服孝
<i>Ge Shu Yue Qi</i>	alat muzik dibuat daripada kulit	革属乐器
<i>Gia</i>	sejenis alat idiofon	锣仔
<i>Gong Tek</i>	upacara ritual masyarakat Teo Chew	功德
<i>Guey Gio</i>	melintas jambatan	过桥
<i>Guanyin</i>	Dewi Guanyin	观音 (菩萨)
<i>Hai Tan Ma</i>	nama lain untuk kumpulan <i>Choo Hoon Kok</i>	海东婆
<i>Huang Sua</i>	sejenis skel Teo Chew	反线
<i>huaren zongjiao</i>	agama Cina	华人宗教
<i>huo zang</i>	pengembumian jenis pembakaran	火葬
<i>Ji</i>	dua	二
<i>Ji bang</i>	meter 2/4	二板
<i>Ji Bang</i>	sejenis meter (2/4)	二板
<i>Ji Chit</i>	hari ke 14 (minggu kedua)	二七

<i>ji yi</i>	angpao kecil terima kasih	吉意
<i>Jia Xin</i>	menutup dewa-dewi	遮神
<i>Jian Pu</i>	sistem notasi Cina	简谱
<i>Ka Boi Ji</i>	duit perjalanan kaki.	脚尾钱
<i>Kek Lo</i>	sejenis alat idiofon	曲锣
<i>King sa dang lak</i>	ringan tiga berat enam	轻三重六
<i>King sa lak</i>	ringan tiga enam	轻三六
<i>Kong Gia</i>	sejenis alat idiofon	巧仔
<i>La Zou Yue Qi</i>	alat muzik yang digesek	拉奏乐器
<i>Lak</i>	enam	六
<i>Lak Chit</i>	hari ke 42 (minggu keenam)	六七
<i>Li Fo</i>	upacara ritual hormat Buddha (untuk lelaki)	礼佛
<i>Lo Gia</i>	sejenis alat idiofon	锣仔
<i>Lou</i>	bekas meletak colok	炉
<i>Miao Tang Yin Yue</i>	muzik kuil	庙堂音乐
<i>Min Zu Qi Yue De Ti Cai Yu Xing Shi</i>	struktur dan bentuk muzik tradisional	民族器乐的体裁与形式
<i>Man Yue</i>	Penuh bulan (bayi genap 1 bulan)	满月
<i>Mu Lian</i>	-	目莲
<i>Mu Shu Yue Qi</i>	alat muzik yang diperbuat daripada kayu	木属乐器
<i>Muyu</i>	sejenis alat suci agama	木鱼
<i>Nai He Qiao</i>	jambatan perpisahan	奈何桥
<i>Namo Lou</i>	pendeta	喃无佬
<i>Ngou</i>	lima	五
<i>Ngou Chit</i>	hari ke 35 (minggu kelima)	五七
<i>Po Xia Guang</i>	melepassi pintu gerbang	破城关
<i>Po Di Yu</i>	pecahkan neraka	破地狱
<i>Qi Zhou Qiao</i>	Jambatan tujuh daerah	七州桥
<i>Qing Ba Xian</i>	menjemput lapan dewa-dewi	请八仙

<i>Qing Ming</i>	hari sembahyang kubur	清明
<i>Qu</i>	naratif/ teks/ lirik	曲
<i>Sa</i>	tiga	三
<i>Sa Chit</i>	hari ke 21 (minggu ketiga)	三七
<i>seng puey</i>	dua muka (siling) yang tak sama	圣筊
<i>Shigu</i>	pemain dram	司鼓
<i>Shi Jia Mu Ni</i>	Buddha Sakyamuni	释迦牟尼
<i>Shi Yue Huai Tai</i>	mengandung sepuluh bulan	十月怀胎
<i>Shi Zi</i>	sejenis alat suci agama	铃子
<i>shou sang</i>	menjaga kematian (malam)	守丧
<i>Si</i>	empat	四
<i>Si Chit</i>	hari ke 28 (minggu keempat)	四七
<i>So Lo</i>	sejenis alat idiofon	苏锣
<i>song zhong</i>	menghantar kematian	送终
<i>Suei Gou</i>	sejenis alat idiofon	小鼓
<i>Tan</i>	dipetik ataupun dipukul	弹
<i>Tan Zou Yue Qi</i>	alat muzik yang dipetik ataupun dipukul	弹奏乐器
<i>Tao Bang</i>	sejenis meter (4/4)	头板
<i>Tao Chit</i>	hari ke 7 (minggu pertama)	头七
<i>Teo Chew</i>	dialek Teo Chew (Cina)	潮州
<i>Teo Chew Da Luo Gu Yue</i>	muzik genderang	潮州大锣鼓乐
<i>Tiak Bang</i>	sejenis idiofon	tiak 板
<i>Tiak Gou</i>	sejenis alat idiofon	tiak 鼓
<i>Tong Shu Yue Qi</i>	alat muzik yang diperbuat daripada tembaga	铜属乐器
<i>Tu Di Gong</i>	dewa tanah	土地公
<i>tu zang</i>	pengembumian di tanah perkuburan (tanam)	土葬
<i>Wai Jiang Yue</i>	muzik luaran	外江乐

<i>wang sheng zhi</i>	kertas mantera	往生纸
<i>Wang Xiang Tai</i>	pentas rinduan	望相台
<i>Wen Chang Yue Qi</i>	ensembel sivil	文场乐器
<i>Wen Die</i>	dokumen	文牒
<i>Wu Chang Yue Qi</i>	alat muzik militari	武场乐器
<i>Wu Lun</i>	lima hubungan	五伦
<i>Wu Yin</i>	lima suara	五音
<i>Wu Zhi Ru Lai</i>	Lima Buddha Dhayani	五智如来
<i>Wuak ngou</i>	hidup lima	活五
<i>Xi Yue</i>	muzik halus	细乐
<i>Xian Si Yue</i>	muzik tali halus	弦诗乐
<i>xiao</i>	taat	孝
<i>Xie Fo</i>	terima kasih Buddha	谢佛
<i>Xue Pen</i>	bekas darah	血盆
<i>Yang Qin</i>	sejenis alat kordofon	扬琴
<i>yi ban san yan</i>	sejenis meter	一板三眼
<i>yi ban yi yan</i>	sejenis meter	一板一眼
<i>Yin Ling Hui Jia Xiang</i>	memimpin roh balik ke kampung	引灵回家乡
<i>Yin Qing</i>	sejenis alat suci agama	引磬
<i>you ban wu yan</i>	sejenis meter	有板无眼
<i>yuan bao</i>	wang kertas	元宝
<i>zhai gu</i>	wanita vegetarian	斋姑
<i>Zhu Sheng Niang Niang</i>	Dewi Kelahiran	注生娘娘
<i>Zhui Jian</i>	mengenang nenek moyang	追荐

**UPACARA RITUAL *GONG TEK* MASYARAKAT TEO CHEW CINA DI
MALAYSIA: MUZIK, TEKS DAN GERAKAN**

ABSTRAK

Masyarakat Cina yang berdialek Teo Chew di Malaysia masih kuat mempertahankan tradisinya dalam pelaksanaan upacara kematian. Upacara ritual masyarakat Teo Chew atau *Gong Tek* membawa maksud membuat sesuatu perkara yang baik dan bermoral tinggi supaya mendapat balasan yang baik. Upacara ini sangat penting kerana melambangkan perkara terakhir yang ahli keluarga boleh lakukan bagi pihak si mati. Selain itu, upacara ini juga bertujuan untuk menunjukkan rasa hormat dan taat setia seseorang anak kepada orang tuanya dengan harapan roh si mati akan tenteram dan pergi ke dunia akhirat dengan tenang. Penyelidikan ini menunjukkan bahawa muzik, teks dan gerakan dalam *Gong Tek* adalah saling berkaitan. Ketiga-tiga elemen ini ditinjau untuk mengetahui emosi yang dihasilkan dalam lagu *Gong Tek*. Kajian ini juga mencerakinkan fungsi alat muzik dengan jenis dan peranan lagu dalam *Gong Tek*. Terdapat dua ensembel dalam *Gong Tek* iaitu ensembel sivil yang digelar *Wen Chang Yue Qi* dan ensembel militari iaitu *Wu Chang Yue Qi*. Alat muzik dalam ensembel sivil seperti alat kordofon serta aerofon sesuai digunakan untuk lagu instrumental sivil dan lagu vokal nyanyian dan menghasilkan emosi yang tenang dan sedih. Bagi penggunaan ensembel militari yang melibatkan alat idiofon serta membranofon pula digunakan untuk lagu instrumental militari untuk mencetuskan emosi yang cemas dan tertekan. Hasil dapatan penyelidikan ini juga menunjukkan lagu-lagu dalam persembahan ritual berperanan untuk menyokong cerita persembahan ritual dan menghasilkan emosi yang tertentu.

**THE TEO CHEW CHINESE FUNERAL RITUAL *GONG TEK* IN
MALAYSIA: MUSIC, TEXT AND MOVEMENT**

ABSTRACT

The Teo Chew people in Malaysia still maintain their tradition of the death ceremony known as *Gong Tek*. Meaning ‘good social contribution’ in the Teo Chew dialect, it represents the final contribution performed by the descendants to honour the dead with the hope that the dead transcends peacefully to the afterlife. This study shows that the music, text and movement in *Gong Tek* are intertwined. All three elements are analysed to reveal the human emotions that are produced during the ritual ceremony. In addition to scrutinizing the main elements, this study also analyses the functions of the musical instruments in delivering the emotions in the songs in *Gong Tek*. There are two main ensembles in this ritual, *Wen Chang Yue Qi* (civil ensemble) and *Wu Chang Yue Qi* (military ensemble). The civil ensemble uses musical instruments such as the chordophone and aerophone to create a mournful and melancholic emotion while the military ensemble uses the idiophone and membranophone instruments to deliver anxious and tense emotions. This research also shows that the songs performed are associated with the different stories and creates certain emotions connected to the death ritual.

BAB 1: PENGENALAN

Masyarakat Teo Chew di Malaysia mewarisi pelbagai adat resam dari negara China. Bagi masyarakat Teo Chew, tiga perkara terpenting dalam hidup mereka adalah upacara kelahiran, perkahwinan dan kematian. Justeru itu, masyarakat Teo Chew percaya bahawa upacara kematian mestilah dibuat secara besar-besaran dan adatnya mesti diikuti dengan teliti supaya ahli keluarga si mati mendapat kebahagiaan. Bagi masyarakat Teo Chew, dalam upacara kematian yang dijalankan terdapat banyak pantang larang dan urutan ritual yang perlu dipatuhi.

Dalam upacara kematian masyarakat Teo Chew, dalam peringkat *shou sang* [*berkabung*] terdapat satu upacara ritual yang dikenali sebagai *Gong Tek*. Upacara ritual *Gong Tek* membawa maksud membuat perkara yang baik dan bermoral tinggi supaya mendapat balasan yang baik. Justeru itu, *Gong Tek* bagi masyarakat Teo Chew adalah satu upacara ritual yang penting dan haruslah dilaksanakan dengan sempurna. Ini adalah kerana upacara ritual ini melambangkan perkara terakhir yang ahli keluarga boleh lakukan bagi pihak si mati dengan harapan roh si mati tenteram dan dapat pergi ke dunia akhirat dengan tenang. Meskipun terdapat perubahan dalam upacara ritual serta upacara kematian disebabkan oleh arus pemodenan tetapi tujuan dan fokus utama membuat upacara ini masih lagi ditekankan iaitu untuk mengagungkan semangat bakti dan taat. Dengan melaksanakan upacara ritual kematian ini juga dapatlah menunjukkan rasa hormat dan tanda taat seseorang anak kepada orang tuanya dan memberi ketenteraman bagi ahli keluarga.

Upacara kematian masyarakat Teo Chew dijalankan dengan mengikut urutannya. Langkah demi langkah dijalankan dan kesemuanya mempunyai sebab ataupun tujuannya yang tertentu. Lima perkara yang paling dititikberatkan oleh

masyarakat Teo Chew semasa menjalankan upacara atau adat kematian adalah termasuk status dan taraf si mati, penghormatan kepada si mati, upacara pengebumian perlu dibuat dengan sempurna, perkabungan oleh ahli keluarga dan peranan ahli keluarga, serta akhir sekali waktu dan tempoh terbaik untuk pengebumian. Perkabungan untuk orang Cina akan dijalankan selama beberapa hari. Bagi si mati yang terdiri daripada warga tua ataupun yang sudah berumah tangga, perkabungan dijalankan selama lima hari iaitu dikira dari hari pertama kematian si mati. Bagi si mati yang masih muda ataupun belum berumah tangga, perkabungan dijalankan selama tiga hari sahaja.

1.1 Permasalahan Kajian

Muzik dan gerakan sering dikotomise dan dilihat sebagai dua kategori seni yang berlainan tetapi saling berkaitan. Ini mungkin benar untuk sesetengah kes tetapi bukannya untuk kebanyakan genre seni persembahan. Ricardo D. Trimillos dalam artikel beliau " Rethinking, paradigms and discourses, an introduction" dalam buku yang berjudul *Sounding the Dance, Moving the Music* (2017:2) mencatat bahawa kebanyakan perspektif dan metodologi penyelidikan menumpukan kepada pendekatan yang berasal daripada Eropah Barat. Penyelidikan yang dilaksanakan sama ada hanya berfokus kepada etnomuzikologi ataupun etnokoreologi secara berasingan. Namun, sepatutnya seni persembahan merupakan gabungan muzik dan gerakan yang membentuk satu entiti yang tidak dapat diasingkan.

Mohd Anis Md Nor dan Kendra Stepputat menekankan muzik dan gerakan haruslah dikaji bersama dan tidak dapat diasingkan dalam buku *Sounding the Dance, Moving the Music*. Mereka mengatakan bahawa seni persembahan maritime

Southeast Asia (Indonesia, Malaysia dan Filipina) merupakan teladan dan contoh utama di mana terdapat gabungan yang kompleks antara muzik dan tarian (2017:i) iaitu, muzik sebagai suara dan tarian sebagai gerakan yang dihasilkan dalam satu seni persembahan dan membentuk satu entiti yang tidak dapat dipisahkan. Walaupun sudah diketahui umum namun banyak kerja lapangan ataupun kajian yang dilaksanakan hanya menumpukan perhatian dalam muzik ataupun tarian. Dalam konteks seni persembahan maritime Southeast Asia apabila muzik dimainkan, ia merupakan satu signal yang jelas untuk penari menampilkan dirinya. Kendra Stepputat memberi contoh tentang Tarian baris di Bali (2017:33). Tarian baris merupakan satu hubungan interaktif antara muzik (bunyi) dan gerakan. Penari lelaki solo diiringi oleh ensembel gamelan yang menyediakan struktur muzikal kepada gerakan penari. Akan tetapi, dengan komunikasi melalui gerakan tarian serta ketua dram, yang menggunakan signal bunyi dalam persembahan, penari dapat mengetahui lagu tersebut dalam persembahan dan kedua-dua pemuzik dan penari membentuk persembahan tersebut melalui signal yang diberikan antara satu sama lain. Ini memperkukuhkan ketidakpisahan muzik dan gerakan dalam seni persembahan.

Trimillos mengatakan dalam jurnal Stephanie Jordon (2011:59) yang berjudul "Cheoreomusical Conversations: Facing a Double Challenge" mencatatkan bahawa tubuh badan menyambungkan tarian dan muzik dalam seni persembahan maritime Southeast Asia. Dari aspek yang melibatkan tarian, pergerakan yang digunakan secara langsung diterima atau diperhatikan oleh penonton. Penonton kepada seni persembahan boleh merupakan golongan manusia, si mati, roh-roh, dewa-dewi mahupun kombinasi daripada ini (seperti yang dinyatakan dalam penyelidikan oleh Pugh-Kitingan). Maka, pergerakan tubuh badan merupakan satu medium yang menghasilkan efek estetik kepada penonton.

Paul Mason dalam penyelidikan beliau yang bertajuk "Music, dance and the total art work: chereomusicology in theory and practice" (2012:5-24) mengatakan bahawa ciri-ciri sosial yang jelas dalam tarian dan muzik dapat merangsangkan deria penglihatan dan deria pendengaran penonton. Beliau juga mengatakan bahawa tarian dan muzik mempunyai sifat persepsi yang berbeza, dari dimensi serta ruang yang berbeza untuk merangsang deria penonton. Maka, muzik dan tarian boleh menjadi cara untuk menerokai cara kita melihat dunia dan membentuk emosi manusia. Penekanan pada bunyi ataupun gerakan adalah bergantung kepada keupayaan ekspresi ahli persembahan, falsafah persembahan tradisional dan keupayaan ahli persembahan mempersembahkan karya mereka kepada penonton. Kebanyakan orang beranggapan bahawa hanya muzik yang menghasilkan emosi. Namun ini tidak seperti yang dibincangkan dalam koreomuzikologi. Dalam penyelidikan Paul Mason pula, beliau membincangkan *Cheoreomusical Relationships* oleh Paul Hodgins (1992). Hodgins membincangkan hubungan koreomuzikologi dalam dua kategori iaitu intrinsik dan ekstrinsik. Dalam hubungan ekstrinsik, emosi dibincangkan. Paul Hodgins mengatakan bahawa isyarat emosi adalah didorong oleh frasa-frasa muzik serta gerakan yang kita kaitkan dengan keadaan tertentu. Sebagai contoh, stereotaip menunjukkan bahawa secara amnya orang ramai mengaitkan muzik yang gembira dengan tempo yang pantas, irama bebas, harmoni major dan lingkungan pic serta dinamik yang tertentu. Tarian yang gembira pula berhubungkaitkan dengan muzik dan menunjukkan pergerakan yang besar dan cepat. Manakala untuk persembahan yang menghasilkan emosi sedih, muzik dengan tempo perlahan serta pergerakan yang perlahan digunakan.

Berasaskan pendekatan oleh Mohd Anis Md Nor, Kendra Stepputat, Trimillos dan Paul Mason yang menekankan kepada ketidakasingan muzik serta

gerakan, maka tiga elemen penting iaitu muzik, teks dan gerakan dianalisis bersama dalam penyelidikan upacara ritual *Gong Tek*. Tesis ini meninjau dan menghubungkan ketiga-tiga elemen iaitu muzik, teks dan gerakan yang digunakan dalam upacara ritual *Gong Tek* oleh masyarakat Teo Chew dan menjelaskan bahawa ketiga-tiga elemen ini sebenarnya perlu dikombinasikan kepada satu perspektif yang holistik dan menghasilkan emosi untuk upacara ritual. Terutamanya dalam penyelidikan upacara ritual yang merupakan tradisi daripada nenek moyang, elemen-elemen dalam frasa-frasa muzik, teks dan gerakan dikaitkan dengan suasana persembahan tersebut.

1.2 Objektif Kajian

Terdapat empat objektif untuk kajian ini, iaitu:

- i. Mengkaji fungsi, pementasan dan perwatakan dalam penghasilan emosi upacara ritual *Gong Tek*.
- ii. Meninjau penggunaan dan kombinasi alat muzik dalam jenis lagu yang berlainan dengan gerakan dan penghasilan emosi dalam upacara ritual *Gong Tek*.
- iii. Menelitikan gerakan, gaya muzik dan teks dalam jenis lagu yang berlainan yang digunakan dalam upacara ritual *Gong Tek*.
- iv. Menghubungkan muzik, gerakan dan teks lagu dalam penghasilan emosi upacara ritual *Gong Tek*.

1.3 Persoalan Kajian

Persoalan yang timbul apabila buat kajian ini adalah:

- i. Apakah peranan lagu dalam upacara ritual *Gong Tek* berdasarkan teks dan gerakan yang digunakan?
- ii. Apakah jenis lagu dan kombinasi alat muzik yang digunakan dalam gerakan dan emosi yang berlainan dalam upacara ritual *Gong Tek*?
- iii. Apakah keistimewaan gaya muzik lagu dalam upacara ritual *Gong Tek*?
- iv. Apakah yang menyokong emosi keseluruhan upacara ritual *Gong Tek* dari segi muzik, teks dan gerakan yang digunakan?

1.4 Justifikasi

Tiga perkara yang dianggap penting oleh masyarakat Teo Chew di Malaysia adalah kelahiran, perkahwinan dan kematian. Masyarakat Teo Chew memegang kepercayaan untuk melaksanakan upacara kematian secara besar-besaran dan adatnya yang diwarisi dari negara China mesti diikuti dengan teliti supaya ahli keluarga si mati dapat kebahagiaan. Namun, perubahan persekitaran, ekonomi dan pemikiran moden yang diterapkan dalam masyarakat telah mengakibatkan upacara kematian orang Cina telah dipermudahkan.

Upacara *Gong Tek* semakin pupus kerana beberapa faktor. Ini termasuklah kos untuk menjalankan upacara kematian secara tradisional adalah tinggi, orang ramai berasa upacara tradisional ini adalah leceh kerana banyak pantang larang perlu diikuti, orang ramai yang mementingkan kerjaya dan pekerjaan tidak dapat hadir dalam upacara yang mengambil masa panjang (lima hari) dan pelbagai alasan yang

lain lagi. Maka, sesetengah masyarakat Cina hanya menjemput sami ataupun *Namo Lou* [pendeta lelaki] untuk membaca mantera dan memendekkan upacara kematian.

Adat resam, budaya dan warisan tentang upacara ritual kematian masyarakat Cina tidak dapat diterima oleh kebanyakan pemuda pemudi Cina di Malaysia. Tambahan pula, dialek Teo Chew diturunkan secara lisan oleh nenek moyang tidak mempunyai tulisan dan catatan yang tepat. Oleh sebab tiada pembelajaran yang formal dan catatan yang teliti serta penggunaan bahasa Mandarin, Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia secara meluas serta merupakan bahasa utama ataupun bahasa formal yang digunakan dan dipelajari dalam era pendidikan kini, maka golongan muda kini hanya boleh belajar dialek ini daripada ahli keluarganya ataupun kawan-kawan sekitarnya. Dialek Teo Chew semakin pupus ditelan zaman kerana masyarakat Cina yang semakin alpa tentang kepentingannya. Maka, pemuda pemudi kini tidak faham langsung atau tidak mengetahui adat resam upacara ritual *Gong Tek* yang perlu dilaksanakan kerana keseluruhan upacara ritual ini adalah menggunakan dialek Teo Chew. Masyarakat Cina kini dikatakan tidak dapat menghargai warisan upacara ritual ini serta tidak lagi merasai perasaan sedih yang terdapat dalam upacara ritual *Gong Tek*.

Anak-anak muda pada masa kini teruja mengejar pelbagai kebendaan dan tidak lagi berminat dengan budaya tradisional yang dianggap membebankan, kolot dan bertakhyul. Mereka tidak memahami serta telah mengabaikan kewujudan adat resam ini. Justeru ini, tidak banyak orang terutamanya orang bandar mengetahui kewujudan *Gong Tek* ini dan kepentingannya. Ketidakpercayaan terhadap adat ini mengakibatkan upacara ritual ini semakin pupus ditelan zaman. Selain daripada itu, kaedah untuk menurunkan atau mewariskan teknik serta cara upacara ritual tidak dapat dijalankan dengan lancar merupakan salah satu faktor kepupusan kumpulan

Gong Tek di negara kita. Tidak banyak penyelidikan dibuat atas kumpulan *Gong Tek* dan pengetahuan mengenai kumpulan *Gong Tek* adalah cetek malahan kebanyakan masyarakat Cina mahupun masyarakat Teo Chew tidak tahu kewujudan kumpulan ini serta upacara ritual ini. Penyelidikan atas upacara ritual *Gong Tek* di Malaysia adalah jarang sekali. Bagi Mercedes Dujunco dalam artikel beliau iaitu "Ritual Soundscapes" dan "The Performance of *Xue Pen*", membincang tentang sejarah dan persembahan Teo Chew *Gong Tek* di Thailand, Malaysia dan Singapura. Artikel beliau menumpukan perhatian kepada urutan persembahan dan lebih fokus kepada upacara ritual *Xue Pen* [bekas darah]. Selain daripada itu, beliau juga menyentuh tentang muzik yang digunakan dalam upacara ritual *Xue Pen*. Informasi ini tidak memadai untuk mengenali lebih dekat lagi terhadap tradisi masyarakat Teo Chew yang penting dalam Malaysia.

Kaedah untuk menurunkan cara dan teknik persembahan juga tidak dijalankan dengan lancar di mana upacara ritual ini diturunkan kepada generasi seterusnya melalui lisan sahaja. Justeru itu, informan-informan serta cara penyampaian mungkin berlaku perbezaan dan menyebabkan kualiti upacara ritual semakin menurun. Selain daripada itu, orang ramai memandang ringan terhadap pekerjaan *Gong Tek* ini kerana dianggap sesuatu upacara yang tidak baik dan akan membawa kecelakaan. Kini, boleh dikatakan tiada lagi pemuda-pemudi yang sudi menerimanya sebagai salah satu pekerjaan kerana dipercayai bahawa kumpulan *Gong Tek* yang baik adalah kumpulan yang betul-betul tinggal di tokong, meneliti dan membaca mantera setiap hari dan merupakan vegetarian iaitu sami dan biarawati. Justeru itu, adalah penting jika budaya yang unik ini dicatatkan dan dirakam untuk rujukan serta menjadi satu keagungan yang unik bagi etnik di Malaysia.

Pada masa kini, semakin kurang atau hampir tiada lagi ibu bapa yang sanggup menghantar anak-anak untuk belajar dan menuntut ilmu keagamaan di tokong lagi. Apa yang menjadi kekaguman ialah kumpulan *Choo Hoon Kok* masih kekal dengan pendirian mereka dalam menjalankan upacara *Gong Tek* dan mereka merupakan satu-satunya kumpulan *Gong Tek* yang paling terkenal dan suci serta digelar sebagai *Hai Tan Ma* [nama lain untuk kumpulan *Gong Tek Choo Hoon Kok*] di Malaysia. Ahli-ahli kumpulan digelar sebagai *zhai gu* yang secara literasi membawa maksud wanita vegetarian. Walaupun mengalami masalah kekurangan ahli yang sama dengan kumpulan lain, mereka menerima anak yatim piatu sebagai anak mereka dan memberi ilmu tentang upacara keagamaan ini. Mereka masih memegang satu harapan bahawa antara anak-anak yang dididik ini ada juga beberapa orang yang dapat mewarisi kumpulan mereka manakala untuk mereka yang ingin meninggalkan kumpulan untuk meneruskan kehidupan mereka, kumpulan *Choo Hoon Kok* juga bersikap lepas tangan dan memberi kebebasan kepada mereka untuk memilih kerjaya masing-masing. Menurut ketua kumpulan ini, jika anak-anak ini dipaksa untuk menerima kerjaya ini maka segala kerja yang dilakukan adalah secara paksaan sahaja dan tidak akan membawa apa-apa makna. Bagi mereka kerjaya ini memerlukan keikhlasan hati yang tulus dalam melaksanakan semua upacara ritual yang dianggap amat bermakna ini.

Kewajaran kajian ini adalah untuk mengkaji upacara *Gong Tek*, upacara ritual kematian orang Teo Chew (Taoist) Cina di Malaysia dari segi muzik, gerakan dan teks. Ritual ini adalah penting untuk menyempurnakan upacara kematian masyarakat Cina dan juga merupakan satu kepercayaan bahawa upacara ritual ini dapat menyumbangkan *Gong Tek* kepada si mati supaya dapat meninggalkan dunia nyata ke dunia akhirat. Selain daripada itu, upacara ritual ini juga dapat melanjutkan

institusi kekeluargaan, menyatupadukan orang Cina dan menimbulkan amalan moral, taat dan keinsafan kepada masyarakat Cina dalam kehidupan. Dengan mengkaji muzik, gerakan dan teks dalam upacara ritual *Gong Tek*, fungsi dan peranan upacara ritual dapat dilihat, dijelaskan dengan penuh makna dan maksud teks yang digunakan dan pentingnya sesuatu upacara ritual juga dapat ditonjolkan.

1.5 Tinjauan literatur

Tinjauan literatur dibuat berdasarkan bahan yang didokumentasikan seperti buku, jurnal, tesis, rakaman audio dan video, sumber laman web, artikel serta temu bual yang dibuat. Sumber bahan rujukan serta bilangan bahan rujukan yang digunakan untuk kajian selidik ini ditunjukkan dalam bibliografi.

Buku-buku yang dirujuk termasuklah buku yang mengenai masyarakat Cina di Malaysia dari segi agama, adat resam dan kepercayaan mereka. Buku-buku yang dirujuk termasuklah *Sounding the Dance, Moving the Music* oleh Mohd Anis dan Kendra Stepputat pada tahun 2017, *The Chinese in Malaysia* oleh Tan Chee Beng dan Lee Kam Hing yang diterbitkan pada tahun 2000, *The Manners and Customs of the Chinese of the Straits Settlements* oleh J.D. Vaughan yang diterbitkan pada tahun 1977, *Studies on the Chinese Religion in Malaysia, Singapore and Indonesia: Chinese Beliefs and Practices in Southeast Asia* oleh Cheu Hock Tong yang diterbitkan pada 1993 dan *Don't Sit on This Book: A Collection of Chinese Taboos* oleh Master Philip Cheong dan S.L. Ang dan sebagainya. Buku-buku mengenai upacara ritual kematian orang Cina di Malaysia, negara Taiwan, negara China, ataupun Singapura juga dirujuk. Buku utama ialah buku *Chinese Ancestor Worship in Malaya* oleh Leon Comber yang diterbitkan pada tahun 1963, *Ritual is Theatre,*

Theatre is Ritual: Tang-ki: Spirit Medium Wordship oleh Margaret Chan pada tahun 2006, *Chinese Birthday, Wedding, Funeral and other Customs* oleh J.G. Cormack yang diterbitkan pada 1974, dan *The Chinese-Their History and Culture* oleh Latourette pada 1950.

Selain daripada itu, buku mengenai instrument serta klasifikasi alat muzik, muzik Teo Chew, muzik tradisional dan muzik klasik di Malaysia dan simbol, pergerakan dalam drama juga dirujuk. Buku yang dirujuk termasuklah *Min Zu Qi Yue De Ti Cai Yu Xing Shi* [struktur dan bentuk muzik tradisional] oleh Ye Dong yang diterbitkan pada tahun 1983 dan *Representation Second Edition* oleh Hall, Evans dan Nixon pada tahun 2013.

Antara artikel yang dirujuk untuk menyempurnakan tesis ini adalah "Ritual Soundscapes" dan "The Performance of *Xue Pen*" oleh Mercedes Dujunco tentang sejarah dan persembahan Teo Chew *Gong Tek* di Thailand, Malaysia dan Singapura. Dalam kedua-dua artikel beliau mencatatkan struktur persembahan dan sejarah *Gong Tek*. Selain daripada itu, ianya juga meneliti dalam muzik *Gong Tek*. Satu lagi artikel adalah "Music, Dance and the Total Art Work" oleh Paul H. Mason yang menyumbangkan idea kepada pendekatan kajian dalam tesis ini.

Tesis daripada Tong Chee Kiong yang bertajuk *Dangerous Blood, Refined Souls: Death Rituals among the Chinese in Singapore* yang diterbitkan pada tahun 1987 dirujuk. Satu jurnal mengenai sistem tuinan muzik Teo Chew *Wuak Ngou* yang berjudul *Chao Zhou Zheng Yu Huo Wu Diao* [Zither Teo Chew dan *Diao* Hidup Lima] oleh Zhen Wen dirujuk.

Semua rakaman audio dan video yang dikumpul telah ditelitikan. Rakaman audio dan video adalah merupakan rakaman upacara ritual kematian oleh dua buah

kumpulan *Gong Tek* iaitu kumpulan *Choo Hoon Kok* dan *Ci De Shan Tang* daripada penyelidikan yang dijalankan.

Sumber laman web juga dijadikan bahan rujukan serta bahan pembacaan sepanjang penyelidikan ini. Laman-laman web ini adalah berkenaan dengan gaya muzik Teo Chew, upacara kematian orang Cina dan kebanyakan penulisnya adalah dari negara China. Maka, artikel dalam laman web dijadikan rujukan. Contohnya, dari laman web <http://www.chaozhouxi.com/4jjxl/1zsk/chaozhouzengjianjie.htm> yang merupakan artikel mengenai gaya muzik dan skel bagi Teo Chew yang dituliskan oleh seorang pensyarah yang bernama Lee Meng dari *Centre Conservatory of Music* di negara China. Laman web ini boleh dipercayai kerana penulis laman web merupakan seorang pensyarah muzik di Universiti Negara China dan setelah membuat perbandingan dengan laman web yang lain serta temu bual, data-data yang terdapat dalam laman web terutamanya sistem tuinan dalam muzik Teo Chew adalah sepadan.

1.5.1 Agama dan kepercayaan masyarakat Cina di Malaysia

Sebagaimana yang diketahui umum, orang Teo Chew dipercayai telah meninggalkan negara China dan datang ke Malaysia serta Singapura untuk menjalankan perniagaan, ini merupakan satu pemulaan di mana budaya dan dialek Teo Chew dibawa ke Malaysia (Tan, T.W.W., 1990). Mengikut Lee dan Tan (2000) dalam buku *The Chinese in Malaysia*, orang Cina di Malaysia amatlah berbeza dari segi suku dialek, pendidikan, agama dan latar belakang. Istilah *fang yan* adalah merujuk kepada bahasa dan dialek pertuturan antara kaum Cina di Malaysia dalam dialek Teo Chew. Dengan mempunyai kepelbagaian identiti ini membolehkan kaum

Cina di Malaysia terus menekankan identitinya semasa mereka berinteraksi dengan kumpulan etnik yang lain sama ada di Malaysia ataupun di luar negara. Dengan itu, sejak tahun 1970an, dengan peningkatan kesedaran terdapat kebudayaan kebangsaan, masyarakat Cina mulai menekankan kepada sifat tersendiri dari segi kebudayaan, perayaan, kebudayaan serta tradisi yang mengalami kebangkitan semula. Dalam bab 10 *The Chinese in Malaysia*, pelbagai agama dan tradisi orang Cina di Malaysia diterangkan dengan meninjau ke alam dewa dewi, kehidupan keagamaan serta identiti masyarakat Cina di Malaysia. Antaranya, mereka menerangkan alam dewa-dewi masyarakat Cina yang universal seperti Buddhism dari India, dewi Guanyin, Mazu, Guandi yang merupakan seorang pahlawan pada masa dahulu dan diterapkan ke dalam kepercayaan dan amalan oleh masyarakat Cina. Selain daripada itu, dalam bab ini juga menyatakan dalam rumah masyarakat Cina disediakan altar untuk nenek moyang. Penyembahan di sesebuah rumah perlu dimulakan dengan meletakkan colok untuk dewa langit. Selepas itu, disembahkan pula untuk dewa dewi yang terdapat di rumah dan nenek moyang. Urutan dan tempat pemasangan altar nenek moyang iaitu di tepi dewa dewi (selalunya sebelah kiri) dan tidak boleh tinggi daripada altar dewa-dewi. Ini adalah berkaitan dengan urutan upacara kematian orang Teo Chew yang terakhir iaitu memasang altar, menenangkan roh (*an hun*). Dengan meneliti buku ini, masyarakat Cina di Malaysia dikaitkan dengan kepercayaan, dialek dan agama yang berlainan tetapi memilih cara untuk menjalankan perkabungan serta upacara ritual kematian. Walaupun begitu, buku ini menerangkan kepercayaan, dialek dan agama secara meluas dan tidak berfokus. Ini adalah kerana terdapat terlalu banyak kepercayaan, agama serta dialek yang diamalkan oleh masyarakat Cina mahupun masyarakat Cina di Malaysia ataupun tempat lain. Urutan untuk upacara kematian orang Cina seharusnya dibezakan dalam

buku ini untuk melihat perbandingan antara upacara kematian masyarakat dialek Teo Chew dengan dialek yang lain.

Mak Lau Fong, (1995) dalam bukunya menerangkan tentang kumpulan Cina serta kepelbagaian etniknya sejak zaman Malaya. Selain daripada itu, dalam buku ini muka surat 178 hingga 180 telah menerangkan tentang kesan pembangunan terhadap etnik-etnik Cina dan secara tidak langsung telah membezakan kumpulan Teo Chew di Selatan dan Utara. Beliau menunjukkan dalam kajiannya bahawa kumpulan Teo Chew mengalami pelbagai cabaran untuk meneruskan kehidupan disebabkan kesan pembangunan dan ini juga mengakibatkan identiti etnik mereka semakin dikikis. Antara cabaran-cabaran yang dihadapi oleh kumpulan Teo Chew termasuklah isu politik dan kejadian monopoli oleh kedudukan *Kapitan* oleh masyarakat Hokkien di Melaka. Ini adalah kerana kumpulan Teo Chew merupakan kumpulan dialek minoriti berbanding dengan kumpulan Hokkien yang merupakan kumpulan dialek yang lebih besar ataupun dialek dominan di tempat tersebut. Kajiannya pada 10 tahun yang lepas telah dibuktikan dengan keadaan masa kini di mana kumpulan Teo Chew memang telah banyak mengalami perubahan dari segi kepercayaan dan adat resam terutamanya dalam upacara ritual kematian. Buku ini lebih mementingkan kepada cabaran yang dihadapi oleh masyarakat Teo Chew yang menetap di Malaysia. Namun, buku ini tidak menerangkan bagaimana kesan pembangunan dan pelbagai cabaran seperti politik mengikiskan identiti etnik mereka. Apakah identiti etnik yang terdapat oleh golongan Teo Chew sebelum ini yang telah hilang identitinya tidak dicatat dalam buku ini.

Bagi buku *Don't Sit on This Book: A Collection of Chinese Taboos* pula menerangkan pantang larang yang dipraktik oleh masyarakat Cina di Singapura dan juga Malaysia. Selain daripada perayaan, kehidupan harian, tentang sifat

kemanusiaan juga diterangkan termasuklah pantang larang yang perlu diikuti semasa upacara kematian dilangsungkan. Contoh pantang larang yang dibincangkan ialah semasa membeli keranda adalah dilarang sekali tawar-menawar harga dengan tauke kedai keranda, menangis untuk menunjukkan kesedihan dan perpisahan merupakan tanda ketaatan sepanjang masa ketika menjalankan upacara *Gong Tek*, tatacara semasa perarakan iaitu keranda dan si mati didahului dan ahli keluarga atau sanak-saudara tidak boleh berjalan sebelum si mati (kecuali menantu) kerana masyarakat Cina percaya bahawa jika seseorang berjalan mendahului si mati di hadapan menandakan "pergi dulu" ataupun "akan mati dulu". Tambahan pula, dalam buku ini juga diterangkan secara teliti tatacara dan cara menghormati si mati dengan pergerakan ataupun penghasilan emosi dalam upacara kematian, contohnya seseorang ahli keluarga tidak digalakkan menepuk debu di atas badannya dengan kuat kerana menepuk akan menghasilkan bunyi seperti tepuk tangan yang melambangkan emosi kegembiraan. Oleh itu, pergerakan dan tingkah laku ini adalah dilarang sekali dan patutlah dielakkan. Walau bagaimanapun, buku ini juga menerangkan sebab pantang larang ini diwujudkan dan kaitannya dengan pemikiran moden dan saintifik masa kini supaya kita boleh membandingkan sama ada pantang larang ini masih perlu dipatuhi secara membuta tuli ataupun dengan menggunakan akal fikiran kita yang moden ini untuk menganalisis tentang kepentingannya. Buku ini adalah sangat teliti dalam menerangkan pantang larang yang masyarakat Cina. Namun, masyarakat Cina boleh terbahagi kepada banyak kumpulan dialek. Adalah lebih teliti sekiranya buku ini dapat menerangkan lebih lanjut bahawa pantang larang ini sebenarnya dilaksanakan oleh kumpulan dialek yang mana ataupun masyarakat Cina secara keseluruhan.

Dalam buku *The Manners and Customs of the Chinese of the Straits Settlements* daripada J.D.Vaughan yang diterbitkan pada tahun 1977, adat resam dan urutan upacara ritual kematian di Malaysia pada zaman dulu iaitu semasa zaman Malaya diterangkan. Upacara pengebumian dan penyembahan nenek moyang juga diterangkan dengan jelas dalam buku ini. Penggunaan buku ini membolehkan saya membuat perbandingan dan saya dapati bahawa terdapat banyak upacara yang telah dipermudahkan. Contoh yang paling ketara adalah dari segi cara pemakaian semasa berkabung. Jika dibandingkan dengan pakaian berkabung pada zaman dulu iaitu bagi ahli keluarga terdekat yang berkabung wajib untuk memakai baju berwarna hitam dengan topi serabut namun berbeza pula pada masa kini di mana ahli keluarga terdekat hanya berpakaian baju putih dan seluar hitam sahaja. Segala pantang larang yang perlu dipatuhi juga semakin berkurangan mengikut peredaran zaman dan masyarakat kini hanya membuat sekadar yang boleh dan masih dipercayai sahaja. Dari segi upacara ritual *Gong Tek* pula, dengan mengikut peredaran zaman sains dan teknologi ditambahkan dengan paparan LED untuk lirik lagu dan alatan-alatan moden seperti speaker, mixer dan sebagainya telah digunakan. Untuk perarakan juga, pemuzik band juga digunakan pada masa kini berbanding dengan dulu kala hanyalah menggunakan pemain Suona untuk perarakan.

1.5.2 Sejarah dan Seni Persembahan Upacara Ritual Kematian *Gong Tek* di Malaysia.

Buku-buku mengenai upacara ritual kematian masyarakat Cina di Malaysia, negara Taiwan, negara China, ataupun Singapura juga dirujuk. Buku-buku ini menerangkan pantang larang serta urutan yang dibuat semasa satu upacara kematian berlaku dalam masyarakat Cina. Buku-buku ini juga menerangkan sejarah dan

ketidaksamaan upacara ritual kematian yang dijalankan oleh pelbagai masyarakat etnik Cina umpamanya masyarakat Hokkien, Teo Chew dan Kantonis.

Selain itu, buku *Chinese Ancestor Worship in Malaya* oleh Leon Comber yang diterbitkan pada tahun 1963 dan *Chinese Birthday, Wedding, Funeral and other Customs* oleh J.G. Cormack yang diterbitkan pada 1974 telah memaparkan kehidupan masyarakat Cina di Malaysia dari aspek keagamaan dan penyediaan untuk menjalankan upacara kematian orang Cina seperti perarakan, perkabungan dan sebagainya. Walaupun buku ini merupakan catatan lama (pada zaman Malaya) tetapi informasi yang terdapat dalam buku ini bolehlah dirujuk kerana kebanyakan adat resam dan tradisi serta urutan untuk upacara kematian masih dipatuhi sehingga hari ini. Antaranya penyediaan untuk upacara kematian iaitu pemasangan altar, tempat letak bekas colok, hidangan makanan dan sebagainya untuk si mati turut dijelaskan. Dalam buku ini juga menjelaskan tatacara dan persediaan yang dilakukan semasa kematian berlaku iaitu mayat perlulah dibersihkan dengan air yang diletakkan colok dan memakai pakaian yang bersesuaian sama ada pakaian kegemaran si mati ataupun pakaian tradisional. Pakaian si mati adalah tidak bersesuaian jika hanya memakai kain ataupun baju yang berkulit binatang serta terdapat bulu binatang kerana masyarakat Cina percaya tentang penjelmaan semula dan mengelakkan si mati menjadi binatang pada hayat yang akan datang. Selain daripada itu, jika perbandingan dibuat antara maklumat yang tertera dalam buku ini dengan maklumat yang saya perolehi daripada temu bual dengan ahli kumpulan *Gong Tek* telah memperlihatkan bahawa terdapat perubahan serta perkembangan dalam upacara ritual kematian di Malaysia. Buku ini telah menerangkan dengan terperinci tentang segala penyediaan sebelum dan selepas upacara ritual *Gong Tek* secara Taoist oleh pendeta Tao. Pendeta Tao membaca mantera dan doa untuk si mati selama tiga hari,

lima hari ataupun tujuh hari seperti mana yang didapati dalam penyelidikan saya ini. Oleh itu, secara keseluruhannya, masyarakat Teo Chew juga melangsungkan upacara kematian selama tiga hari, lima hari ataupun tujuh hari. Maklumat-maklumat ini adalah penting dalam penulisan bab kedua tesis ini.

Dua artikel iaitu "Ritual Soundscapes" dan "the Performance of *Xue Pen*" oleh Mercedes Dujunco tentang sejarah dan persembahan Teo Chew *Gong Tek* di Thailand, Malaysia dan Singapura juga dirujuk. "Ritual Soundscapes" lebih menumpukan kepada salah satu upacara ritual dalam *Gong Tek* iaitu upacara ritual *Xue Pen*. Artikel ini mengaitkan upacara ritual ini dengan elemen-elemen sosial dan sejarah masyarakat. Dalam artikel ini mengatakan bahawa upacara *Gong Tek* muncul semula di negara China selepas tahun 1949 kerana telah dilarang persembahannya selama sepuluh tahun. Secara umumnya, fungsi utama upacara *Gong Tek* adalah untuk menenangkan roh dan membaca mantra untuk roh supaya roh si mati dapat pergi ke dunia akhirat dengan tenteram. Upacara *Gong Tek* muncul dalam struktur dan bentuk yang berlainan bergantung kepada tempat tertentu. Ini termasuklah alat muzik, nyanyian dan mantra yang digunakan mahupun pergerakan dan pakaian yang digunakan. Dalam artikel ini juga menyatakan bahawa agama untuk masyarakat Cina agak kompleks dan sukar dikategorikan. Di bahagian timur selatan negara China terdapat banyak orang Cina dari luar negara yang balik ke timur selatan China dan membina tokong serta membangkitkan semula agama masing-masing. Sehingga pada suatu masa tertentu negara China telah melarangkan semua aktiviti keagamaan namun aktiviti-aktiviti ini masih aktif di negara-negara lain seperti Thailand, Malaysia dan Singapura yang dijalankan oleh orang Cina luar negara. Oleh itu, dipercayai bahawa agama yang telah diubahsuai dari negara luar telah dibawa balik ke negara China dan terbentuklah penyebaran agama dan budaya antara satu sama

lain oleh orang Cina luar negara dan orang Cina tempatan. Selain daripada menerangkan persembahan *Gong Tek*, tesis ini juga menyentuh kepada cabaran-cabaran yang dihadapi oleh masyarakat Cina seperti faktor ekonomi dan budaya yang dihadapi oleh pemuzik *Gong Tek* dan menimbulkan perubahan dan perkembangan upacara ritual kematian *Gong Tek*. Selain daripada mencatatkan struktur persembahan dan sejarah *Gong Tek*, "The Performance of *Xue Pen*" pula lebih memberi tumpuan atas muzik dalam upacara ritual *Gong Tek* iaitu menunjukkan notasi yang digunakan serta teks dalam upacara ritual. Kedua-dua artikel ini menyumbang dalam bab ketiga iaitu bab *Bao En* [membalas jasa] di mana *Xue Pen* merupakan sebahagian daripada upacara ritual *Bao En*. Kedua-dua artikel itu adalah sama di mana "the Performance of *Xue Pen*" merupakan sebahagian daripada "Ritual Soundscapes" yang telah diterjemahkan kepada Bahasa Inggeris. Dalam kedua-dua artikel ini, Mercedes Dujunco telah mencatatkan upacara ritual *Xue Pen* dari segi peranannya dalam upacara kematian dan juga jenis lagu yang digunakan dalam upacara ritual tersebut termasuklah sistem tuinan dan transkripsi lagu. Kedua-dua artikel ini adalah penting dalam penyelidikan ini untuk membandingkan sama ada hasil dapatan penyelidikan ini adalah sama seperti yang dikaji oleh Mercedes Dujunco di negara Thailand dan Singapura. Artikel-artikel ini hanyalah bertunpu kepada dua upacara ritual. Adalah lebih baik sekiranya mereka dapat meliputi semua upacara ritual *Gong Tek* yang sepatutnya ada untuk masyarakat Teo Chew. Dengan itu baru kami boleh nampak secara keseluruhan *Gong Tek* yang sebenar. Selain daripada itu, tumpuan atas muzik dalam *Xue Pen* dan mengabaikan gerakan serta unsur-unsur lain yang menyokong upacara ritual *Gong Tek* haruslah diperbaiki. Seperti dalam pendekatan teori saya, seni persembahan seharusnya dilihat secara menyeluruh, bukanlah hanya dari segi muzik ataupun segi gerakan sahaja. Seni

persembahan terutamanya bagi upacara ritual *Gong Tek* disokong dengan muzik, gerakan dan teks dan disampaikan kepada para penonton.

Beberapa tesis juga dirujuk iaitu tesis oleh Tong Chee Kiong yang bertajuk *Dangerous Blood, Refined Souls: Death Rituals among the Chinese in Singapore* yang diterbitkan pada tahun 1987. *Dangerous Blood, Refined Souls: Death Rituals among the Chinese in Singapore* mencadangkan bahawa upacara kematian masyarakat Cina adalah berhubungkait rapat dengan masyarakat dan meninjau kepada persamaan serta elemen yang penting dalam upacara ritual kematian masyarakat Cina. Antaranya termasuklah peranan dan status dalam keluarga semasa upacara kematian dilaksanakan. Anak lelaki selalunya diagung-agungkan dan memainkan peranan yang penting dalam upacara kematian. Pangkat anak lelaki adalah tertinggi dan dalam upacara *Gong Tek* anak lelaki perlulah menjaga bekas colok yang melambangkan roh si mati. Selain daripada itu, beliau juga menerangkan signifikasi dalam variasi yang didapati dalam upacara seperti fungsi upacara ritual yang dilaksanakan, seperti *Xue Pen* adalah untuk melambangkan anak-anak yang wajib membalas jasa ibu yang mengandung selama sepuluh bulan, upacara melintas jambatan sebagai lambang perpisahan dan sebagainya. Dalam tesis ini juga menerangkan tentang pengebumian serta pembakaran keranda di mana mengungkitkan masalah yang dihadapi terutamanya di Singapura yang kekurangan tempat perkuburan dan terpaksa mengubah pemikiran dan idea tentang kematian secara pengebumian. Satu maklumat yang penting yang didapati daripada tesis ini dan jarang dibincangkan dalam buku-buku lain adalah mengenai kematian yang disebabkan oleh kemalangan seperti mati lemas, bunuh diri, pembunuhan, kemalangan jalan raya dan sebagainya. Upacara kematian atas kematian secara kemalangan adalah sedikit berbeza berbanding dengan kematian semula jadi (tua

ataupun penyakit) di mana selalunya upacara kematian atas kemalangan tidak dilaksanakan di rumah tetapi dilaksanakan di tempat letak mayat ataupun di bangunan yang digunakan untuk fungsi kematian. Upacara ritual *Gong Tek* yang dilaksanakan juga berbeza kerana dipercayai roh si mati secara kemalangan adalah lebih ganas dan perlulah menjalani upacara ritual *Gong Tek* yang lebih spesifik dan teliti. Tesis ini merupakan analisis budaya dan berjaya menunjukkan peranan elemen-elemen yang penting dalam upacara dalam kepercayaan masyarakat Cina.

Buku mengenai instrument serta klasifikasi alat muzik, muzik Teo Chew, muzik tradisional dan muzik klasik di Malaysia dan simbol, pergerakan dalam drama juga dirujuk. Buku yang dirujuk termasuklah *Min Zu Qi Yue De Ti Cai Yu Xing Shi* [struktur dan bentuk muzik tradisional] oleh Ye Dong yang diterbitkan pada tahun 1983. Dalam buku yang berjudul *Min Zu Qi Yue De Ti Cai Yu Xing Shi* oleh penyelidik serta ahli persembahan yang bernama Ye Dong pada tahun 1983 membincangkan muzik Teo Chew dan ciri-cirinya. Isi kandungan dalam buku ini mengandungi beberapa jenis muzik Teo Chew. Selain daripada itu, pengarang buku juga membincangkan fungsi beberapa jenis muzik yang berlainan seperti Teo Chew *Da Luo Gu Yue* [muzik genderang Teo Chew], Teo Chew *Xuan Si Yue* [muzik bertali sajak Teo Chew], Teo Chew *Di Tao Gu Yue* [muzik tiupan Teo Chew], Teo Chew *Xi Yue* [muzik halus Teo Chew] dan Teo Chew *Miao Tang Ying Yue* [muzik kuil Teo Chew]. Muzik genderang Teo Chew merupakan kombinasi alat perkusi (gong dan dram) serta ansambel sivil (alat tiupan dan alat tali). Muzik genderang ini mempunyai sejarah yang lama dan boleh menghasilkan muzik yang bertenaga, bersemangat seperti namanya, genderang. Dalam muzik genderang Teo Chew boleh dibahagi kepada tiga jenis iaitu *Da Luo Gu Yue* [muzik genderang Teo Chew besar], *Xiao Luo Gu Yue* [muzik genderang Teo Chew kecil] dan *So Lo Gu Yue* [muzik gong

So Lo Teo Chew]. (Ye Dong, 1983: 366). Teo Chew *Xuan Si Yue* [muzik bertali sajak] juga dikenali sebagai muzik sajak, selalunya mempunyai teks lagu yang berkaitan dengan kehidupan rakyat dan diiringi dengan alat-alat muzik seperti erhu dan pipa. Teo Chew *Di Tao Gu Yue* [muzik tiupan] adalah ensembel yang terdiri daripada alat tiupan seperti *Di Zi*, *Sheng* dan sebagainya. Teo Chew *Xi Yue* pula merupakan ensembel sivil yang terdapat dalam muzik genderang Teo Chew iaitu terdiri daripada alat tiupan dan alat tali. Teo Chew *Miao Tang Ying Yue* merupakan muzik yang digunakan dalam tokong iaitu lagu agama. Antara genre yang terdapat dalam muzik Teo Chew, muzik opera dan nyanyian, muzik Teo Chew *Da Luo Gu Yue* dan *Xuan Si Yue* merupakan genre yang lebih popular dan masih lagi dipraktis oleh masyarakat Teo Chew di Malaysia. Selain daripada itu, buku ini juga menerangkan alat-alat muzik yang digunakan dalam muzik Teo Chew, set repertoire yang sering digunakan dan popular dalam kalangan masyarakat Teo Chew dan juga ciri-ciri muzik yang digunakan dalam muzik Teo Chew. Dalam bab ke-11 buku ini, pengarang buku memasukkan informasi dan maklumat mengenai rentak, tanda masa, nada serta kombinasi lagu yang digunakan semasa persembahan untuk muzik Teo Chew. Dengan merujuk kepada buku ini, dapatlah menyokong tesis saya dengan cara klasifikasi alat muzik yang digunakan dalam upacara *Gong Tek* dan muzik yang digunakan iaitu alat muzik yang digunakan dalam upacara ritual *Gong Tek* diklasifikasi melalui bahan buatan alat muzik tersebut ataupun cara memainkannya. Lagu-lagu yang digunakan dalam upacara *Gong Tek* merupakan Teo Chew *Xuan Si Yue* dan muzik genderang. Kedua-dua jenis lagu ini menggunakan kombinasi alat muzik yang berlainan iaitu ensemble yang berlainan untuk menghasilkan emosi yang tertentu dan sepadan dengan fungsi lagu. Dua ensembel dalam *Gong Tek* iaitu *Wen Chang Yue Qi* [ensembel sivil] dan *Wu Chang Yue Qi* [ensembel militari] oleh

masyarakat Teo Chew. Alat muzik dalam ensemble sivil seperti alat kordofon serta aerofon sesuai digunakan untuk lagu instrumental sivil dan lagu vokal nyanyian atau dikenali Teo Chew *Xuan Si Yue*. Kombinasi alat muzik serta lagu bertali sajak ini dapat mengiringi lagu yang pergerakannya minimal dan lembut, menghasilkan perasaan yang tenang ataupun sedih. Manakala penggunaan ensemble militari yang melibatkan alat idiofon serta membranofon secara utama pula digunakan untuk lagu instrumental militari iaitu mencetuskan keadaan yang cemas dan tertekan.

Artikel-artikel yang dipaparkan ke atas laman web mengenai upacara kematian orang Cina di Malaysia dan opera Cina juga ditinjau dan sebagai rujukan. Dalam blogspot <http://wanfengtian.blogspot.my/> yang dikendali oleh sebuah kumpulan *Gong Tek* Hakka di Kluang, Johor menerangkan cara dan tradisi orang Hakka menjalankan upacara kematian orang Hakka. Blog ini dipilih untuk dijadikan rujukan kerana blog ini adalah dicipta oleh kumpulan *Gong Tek* Hakka sendiri tanpa orang tengah. Selain daripada menggunakan dialek yang berlainan, sedikit perbezaan antara orang Hakka dengan Teo Chew adalah dalam upacara ritual mereka di mana masyarakat Hakka lebih mementingkan pementasan dan menerapkan unsur-unsur opera ke dalam upacara ritual. Contohnya, terdapat upacara ritual *Po Di Yu* [pecahkan neraka] yang menonjolkan unsur-unsur opera di mana dalang untuk upacara ritual kematian iaitu pendeta Tao perlu menari dan membuat persembahan untuk memecahkan neraka dengan iringan muzik. Persamaan antara upacara ritual *Gong Tek* masyarakat Teo Chew dengan masyarakat Hakka adalah kedua-duanya mementingkan tali persaudaraan dan upacara *Gong Tek* dibuat secara besar-besaran. Namun, terdapat tiga elemen dalam upacara ritual yang tidak dapat dipisahkan iaitu muzik, gerakan dan teks yang digunakan dalam upacara tidak dapat diasingkan untuk menyokong emosi yang dihasilkan sepadan dengan fungsi lagu yang digunakan.

Laman web ini boleh dirujuk tetapi masih ada banyak tempat untuk penambahbaikan contohnya mereka boleh menyatakan sumber maklumat mereka secara teliti dan sejarah upacara *Gong Tek* orang Hakka. Ini untuk mencatatkan perbezaan serta perubahan (sekiranya ada) yang dialami oleh kumpulan *Gong Tek* di Malaysia.

1.6 Pendekatan Teori

Merriam telah mengkategorikan fungsi persembahan kepada beberapa jenis (1964:223). Antaranya adalah fungsi persembahan untuk menggambarkan emosi dan perasaan serta membantu melepaskan geram ataupun menyelesaikan sesuatu konflik. Keduanya, fungsi persembahan membawa kegembiraan secara estetik iaitu bukan sahaja kepada penonton, pendengar mahupun komposer lagu tetapi untuk warga budaya lain. Kedua-dua fungsi ini ditunjukkan dalam peranan lagu upacara ritual *Gong Tek* iaitu sama ada lagu digunakan untuk mewujudkan kesedihan akibat perpisahan, menyembuhkan roh-roh yang mengalami kesakitan, menunjukkan ketaatan ataupun ketenangan kepada roh-roh itu. Fungsi persembahan yang ketiga melibatkan sifat-sifat komunikasi iaitu membawa pesanan atau simbolik sesuatu benda, pendapat ataupun kelakuan dengan gerak balas fizikal seperti pergerakan ataupun menari mengikut rentak muzik. Fungsi ini digunakan dalam meninjau gerakan oleh ahli kumpulan *Gong Tek* yang bergabung dengan jenis lagu yang digunakan dan kombinasi kedua-dua elemen ini yang menghasilkan emosi untuk upacara ritual. Tambahan pula, Merriam juga mengkategorikan fungsi persembahan sebagai memaksa penyesuaian piawai sosial. Fungsi persembahan ini saya gunakan sebagai salah satu fakta untuk memperkukuhkan hipotesis tesis ini kerana fungsi ini menitikberatkan peranan lagu dan muzik dalam upacara ritual keagamaan.